

Bukan penyebar tarekat sesat'

ALOR SETAR - Penganjur bersama Program Gema Zikir & Qasidah yang dijadualkan berlangsung di Dewan Besar Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) di sini pada 13 Jun menampilkan pemimpin tarekat Naqsyabandiah Al-Aliyah, Shaykh Muhammad Hisham Kabbani menafikan mereka terbabit menyebarkan ajaran sesat.

Pengerusi Maahad Darul Hasyimie, Nik Abdul Aziz Hashim selaku penganjur bersama program itu berkata, pihaknya sekadar menguruskan kehadiran Shaykh Muhammad Hisham sebagaimana yang diatur penganjur utama.

"Isu sesat atau haram daripada (sebagaimana keputusan) Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2000 mengenai tarekat Naqsyabandiah (al-Aliyah) yang mengaitkan kami cubaan untuk membawa ajaran sesat tidak timbul. Ini kerana kami hanya menguruskan kedatangan seorang shaykh daripada United Kingdom melalui surat yang dihantar oleh satu badan di sana,"

"Dalam surat itu tak ada satu pun perkataan mengatakan beliau adalah tarekat Naqsyabandiah. Jadi bermula pada itu, kalau saya di pihak yang salah, saya tak akan teruskan untuk mendapatkan kebenaran beberapa pihak lain yang terlibat," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, atas sokongan wajah dan cadangan yang diberikan oleh pihak berkenaan, pihaknya mencari tempat untuk

“ Kami fikir semuanya tak ada masalah dan tak timbul isu tarekat Naqsyabandiah dan ajaran sesat.”

- Nik Abdul Aziz

menjayakan program itu.

"Kami fikir semuanya tak ada masalah dan tak timbul isu tarekat Naqsyabandiah dan ajaran sesat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Menurut Nik Abdul Aziz lagi, pihaknya tidak akan terlibat dengan mana-mana program yang melanggar ajaran Islam, apa lagi yang diputuskan sesat.

"Sekarang ini kita akur dengan apa yang mufti bagi tahu dan kita tak akan terlibat lagi dengan program tersebut. Niat kami mahu berdakwah, bukan menyebarkan ajaran sesat. Namun, apa yang menghairankan kami sekarang ini, tak ada apa-apa surat lagi daripada semua pihak yang tidak benarkan kita teruskan program tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Nik Abdul Aziz juga minta semua pihak menghentikan spekulasi negatif terhadap Maahad Darul Hasyimie susulan kontroversi itu.

"Kami bukan orang menyebarkan (ajaran sesat), kami hanya menguruskan program tersebut, jadi hentikanlah spekulasi ini. Jangan katakan kami mengamalkan ajaran sesat," katanya.